



PTP berpendapat proses digital adalah satu cara untuk berkomunikasi dengan lebih cekap termasuk penggunaan teknologi pintar dalam membantu meningkatkan keberkesanan operasi syarikat.

PTP sedia laksana inisiatif digital

Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI
ekonomi@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 11 OKT.

PELABUHAN Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. (PTP) bersedia untuk melaksanakan inisiatif digital bagi meningkatkan kecekapan operasi dan kekal kompetitif.

Ketua Pegawai Eksekutif PTP, Marco Neelsen berkata, pihaknya berpandangan bahawa proses digital adalah cara berkomunikasi dengan pelbagai pihak dengan lebih cekap termasuk penggunaan teknologi pintar dalam membantu operasi syarikat.

Menurut beliau, banyak teknologi pintar yang berada di pasaran ketika ini dan salah satunya adalah *blockchain* yang banyak diperkatakan oleh pe-

main-pemain industri.

"Kami melihat *blockchain* sebagai isyarat untuk berubah pada masa hadapan. Dengan teknologi pintar ia membantu kita bekerja dengan lebih cekap dan kompetitif contohnya di barisan penghantaran kontena, pihak berkuasa serta operasi di pelabuhan.

"Kami juga telah mengadakan dialog dengan kastam bagi membincangkan kaedah kerjasama digital dengan lebih efektif. Kami akan terus memantau penggunaan teknologi pintar dan menilai bagaimana ia dapat memenuhi keperluan operasi PTP," katanya dalam sesi taklimat PTP bersama media di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Komersial PTP, T. Prakash.

Mengenai persediaan PTP untuk menggunakan *blockchain*,

Neelsen berkata, pihaknya tidak mahu terburu-buru kerana memerlukan masa yang mengkaji dan meneliti terlebih dahulu.

Katanya, kebanyakan pemain industri lain mereka menganggap *blockchain* sebagai alat pintar yang dapat membantu perniagaan daripada segala aspek, namun bagi PTP ia berbalik semula kepada visi syarikat.

"Adakah kami mahu menjadi sebuah pelabuhan pintar atau hab pengedaran pintar. Oleh itu, kami perlu memilih dengan berhati-hati teknologi mana yang mampu membawa kami untuk mencapainya," ujarnya.

Sementara itu, Neelsen berkata, sasaran sembilan juta TEU (unit bersamaan dua puluh kaki) pada tahun ini berada di landasan yang tepat yang mana setakat ini PTP telah menguruskan 6.6 juta TEU.